

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Penjelasan)

PENJELASAN MENGENAI ANWAR DITERIMA RAMAI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya penjelasan beliau mengenai bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim diterima oleh sebahagian besar rakyat yang dahulunya ragu-ragu terhadap dakwaan ke atasnya.

Bagaimanapun bagi golongan yang taksub kepada Anwar, mereka telah menutup minda mereka terhadap penjelasan itu, kata beliau pada persidangan berita selepas perhimpunan agung Umno di sini hari ini.

"Saya fikir sebahagian besar akan terima tetapi yang masuk golongan kepala batu, saya fikir tidak akan terima. Dia dah taksub...dah fanatik. Bagi orang seperti itu ucapan itu bukan untuk mereka."

Dr Mahathir menyamakan mereka dengan robot kerana hati, telinga dan mata mereka sudah tertutup.

"Kalau kita tengok "Star Trek" dan "Star Wars" kita tahu bagi order pada robot ini suruh dia tembak dia tembak," katanya.

Golongan kepala batu ini bagaimanapun tidak dianggap sebagai ancaman, kata Perdana Menteri sambil menegaskan "tetapi kita mahukan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang oleh itu kita tidak mampu mengabaikan sebarang perkara."

Beliau berkata penjelasan mengenai Anwar ini tidaklah lewat dibuat kerana Umno memutuskan untuk tidak mengganggu mereka yang sedang belajar.

"Kita mahu mereka menumpukan (kepada pelajaran mereka) supaya mereka pulang dengan kelulusan, terutama pelajar Melayu, kita tidak mempunyai terlalu ramai pelajar Melayu yang cemerlang," katanya.

Jika mereka ini lebih berminat dalam bidang politik dan lalai terhadap pelajaran mereka, hasrat untuk menambahkan lebih ramai jurutera, peguam dan profesional Melayu yang lain, sukar dicapai.

Umno dengan penuh rasa tanggungjawab tidak mendekati pelajar seperti mana yang dilakukan oleh pembangkang yang meluangkan masa untuk menanam rasa benci kepada kerajaan, kata beliau.

Katanya strategi pihak pembangkang ini sama seperti yang dilakukan oleh pihak Jerman satu ketika dahulu untuk membenci golongan Yahudi, yang menimbulkan satu perasaan benci hingga mereka buta terhadap perkara lain.

Pelajar yang telah ditanam dengan perasaan benci ini, kini bertugas di agensi-agensi kerajaan dengan mendapat gaji yang baik tetapi mereka tidak mengenang budi orang yang telah menolong mereka, sebaliknya menggigit pula.

Perdana Menteri menegaskan bahawa penerangan mengenai salahlaku Anwar perlu diteruskan kerana "golongan taksub ini" cuba menghasut orang Umno.

Ditanya mengenai tuduhan "boneka" dan "penderhaka" terhadap Anwar, beliau berkata Anwar sudah semestinya menidakkan tuduhan itu.

"Dia katalah...tetapi kita tahu dia boneka kerana dia ikut IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan segala arahan orang asing dan mereka juga berkempen untuknya.

"Saya sendiri tidak pernah punyai orang asing berkempen untuk saya. Adapun orang Thai yang menyatakan sokongan tetapi bukanlah hendak suruh saya jadi perdana menteri negara dia," katanya.

Dr Mahathir percaya seperti juga di Indonesia, seruan untuk reformasi politik telah ditolak sepenuhnya dan sebaliknya Umno semakin kukuh.

Semangat yang ditunjukkan anggota parti dan jumlah mereka yang hadir di perhimpunan tahun ini adalah jauh lebih banyak daripada biasa dan mereka bersemangat untuk menyaksikan cakap sia-sia mengenai reformasi ini ditolak.

Beliau berkata anggota parti sedar seruan reformasi ini hanyalah gimik

pihak pembangkang untuk meraih sokongan.

Ditanya oleh pemberita asing mengenai pendapat mahkamah awam dunia yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap isu Anwar, Dr Mahathir berkata pendapat orang lain tidak penting.

"Pendapat umum di negara ini menyokong keputusan yang dibuat oleh kehakiman. Pendapat ramai dalam akhbar asing merupakan satu perkara yang berbeza. Mereka bukannya dalam jajahan kami."

"Saya tidak akan bertanding dalam pilihan raya di negara lain kecuali di Malaysia dan pendapat ramai di Malaysia yang perlu diambil kira. Apa yang saya lihat, pendapat umum di Malaysia menyokong kerajaan...majoriti daripada mereka. Kami tidak kisah mengenai pendapat ramai di negara lain," katanya.

-- BERNAMA

AD SHO RON